

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN Pemeriksa Cap Jari

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pemeriksa Cap Jari Gred N19, N22, N26, N28.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia.

3. RINGKASAN TUGAS

Mendaftar penjenayah dan orang-orang yang bersalah, membuat pemeriksaan identiti penjenayah melalui pemeriksaan cap jari, mengesahkan identiti penjenayah/si mati/individu. Membantu menyelesaikan kes-kes jenayah dengan mengenal pasti identiti cap-cap jari dari tempat kejadian. Mengeluarkan laporan penjenayah terdahulu untuk mahkamah, mengeluarkan laporan pakar cap jari dan memberi keterangan pakardi mahkamah. Memberi kursus Sains Cap Jari kepada Agensi Penguatkuasa Undang-undang, jabatan kerajaan dan pusat pengajian tinggi.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pemeriksaan Cap Jari Gred N19

- a. Mendaftar cap-cap jari orang yang kena tuduh (OKT) di bawah kesalahan berdaftar ke dalam sistem pendaftaran.
- b. Memeriksa cap-cap jari OKT membuat laporan sabitan lalu untuk mahkamah-mahkamah.
- c. Membuat pemeriksaan cap-cap jari tempat kejadian (latent) bagi mengesan penjenayah.
- d. Memeriksa cap-cap jari OKT atau suspek-suspek yang ditangkap kepada rekod cap jari dari tempat kejadian yang belum dikenalpasti (unsolved cases) seluruh Malaysia.
- e. Menerima cap-cap jari yang telah selesai perbicaraan di mahkamah daripada seluruh kontinjen. Cap-cap jari berkenaan disemak dengan teliti bagi menentukan keputusan perbicaraan yang dicatatkan adalah betul dan tepat serta ditandatangani oleh Pegawai Pendakwa.

- f. Mendaftar cap-cap jari yang dikembalikan mengikut kategori – pesalah pertama, pesalah berulang (recidivist), dibebaskan, ikat jamin, lepas tanpa dibebaskan (DNAA) dan kes rayuan.
- g. Menyelenggara dan menyimpan daftar-daftar bagi tiap-tiap kontinjen yang dipertanggungjawabkan.

4.2 Pemeriksa Cap Jari Gred N22

- a. Menyelia Pemeriksa Cap Jari Gred N19.
- b. Menandatangani sabitan lalu bagi cap-cap jari RJ.2 dari Kontinjen dan Ibu Pejabat Polis Daerah dan agensi penguatkuasa undang-undang yang lain.
- c. Menandatangani sabitan lalu bagi cap-cap jari RJ.2 bagi kes-kes yang dikehendaki jatuh hukum segera.
- d. Memeriksa dan menfailkan cap-cap jari bagi pendaftaran baru (N/Reg.) bagi kontinjen yang dipertanggungjawabkan.
- e. Memeriksa dan menfailkan cap-cap jari bagi pendaftaran berulang (recedivist/ reg.) bagi kontinjen yang dipertanggungjawabkan.
- f. Menyemak dan memansuhkan cap-cap jari bagi kes-kes iaitu buang kes, kesalahan tidak berdaftar dan lepas tanpa dibebaskan (DNAA) dari kontinjen dipertanggungjawabkan.
- g. Menyemak dan membatalkan rekod duplikasi (double CR), kes-kes bawah umur dan cap-cap jari bagi orang mati.
- h. Menyemak dan membatalkan cap-cap jari OKT yang berumur 70 tahun.
- i. Menandatangani surat-surat berkaitan dengan cap jari untuk dihantar ke kontinjen berkenaan.
- j. Penyeliaan ke atas meja kerani yang dipertanggungjawabkan.
- k. Memeriksa buku-buku daftar, fail-fail berkaitan dengan cap jari yang dipertanggungjawabkan.

4.3 Pemeriksa Cap Jari Gred N26

- a. Menyelia Pemeriksa Cap Jari Gred N22.
- b. Menandatangani sabitan lalu penjenayah-penjenayah.

- c. Menyelia pendaftaran baru dan pendaftaran berulang penjenayah Malaysia dan Singapura.
- d. Membuat semakan pemeriksaan cap jari di tempat kejadian, menandatangani surat menyurat mengenainya dan mengeluarkan laporan pakar cap jari.
- e. Menerima, memeriksa, membanding dan mengesahkan identiti cap jari pada dokumen/ barang kes daripada Jabatan Kerajaan, Badan Berkanun, Pejabat Peguam, orang awam kes dan menentukan identiti orang-orang mati.
- f. Memberi keterangan cap jari di mahkamah-mahkamah.
- g. Memberi kursus/menyampaikan ceramah Sains Cap Jari kepada peserta kursus PDRM, agensi penguatkuasa yang lain, jabatan kerajaan, badan berkanun, pihak swasta dan penuntut pusat pengajian tinggi.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pengurusan tertinggi.
- b. Seluruh Ibu Pejabat Polis Daerah dan Ibu Pejabat Polis Kontinjen.
- c. Pusat Latihan Polis dan Maktab Pegawai Kanan PDRM.

Luaran

- a. Semua kementerian/jabatan di peringkat persekutuan dan negeri, semua agensi penguatkuasa undang-undang/mahkamah, badan berkanun, semua kerajaan tempatan, pihak swasta dan individu yang berurusan.
- b. Institut Pengajian Tinggi dalam dan luar negara.
- c. Polis Negara Singapura dan INTERPOL.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam pejabat – penggunaan sistem canggih seperti *AFIS* (Automated Fingerprint Identification System), *Stereo Microscope* dan *LAW* (Lab Expert Workstation).
- b. Luar pejabat – memberi keterangan pakar di mahkamah-mahkamah dan memberi kursus.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Lulus SPM dengan mendapat kepujian di dalam mata pelajaran sains.
- b. Pengambilan calon baru yang mempunyai diploma dalam bidang sains atau teknologi maklumat.
- c. Berkemahiran dalam bidang komputer.
- d. Berkebolehan dalam bidang undang-undang.
- e. Berkebolehan menganalisa dan membuat perbandingan cap-cap jari rakaman atau cap-cap jari tempat kejadian.
- f. Berkebolehan membuat pengesahan identiti dengan cepat dan tepat.
- g. Berkebolehan berkomunikasi secara lisan dan bertulis sama adadalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.
- h. Berkebolehan memberi pendapat secara professional dan mengemukakan hujah-hujah dengan baik di dalam mahkamah.
- i. Berkebolehan dalam menulis laporan yang berkualiti, tepat dan benar.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Kompetensi dan ketelitian.
- b. Cekap dan berkemahiran tinggi.
- c. Benar, adil dan saksama.
- d. *Espirit de Corps*.
- e. Sabar.
- f. Integriti.
- g. Bertanggungjawab.
- h. Profesional.
- i. Kualiti.
- j. Kerahsiaan.
- k. Disiplin diri.

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Boleh di ambil tindakan undang-undang.
- b. Risiko terdedah kepada ruang penyelewengan.
- c. Risiko terdedah dan dikenali penjenayah semasa memberi keterangan di mahkamah.
- d. Tekanan.

Sumber : Polis Diraja Malaysia. Surat Rujukan: KPN 32 bertarikh 4 Mei 2009.
Kementerian Pengangkutan Malaysia. Surat Rujukan: KP/PO/0.309 Jld.21 (24) bertarikh 30 April 2009.